

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Perfect Rider Plus?

Perfect Rider Plus melindungi Pihak Diinsuranskan, pemandu dan/atau penumpang sekiranya berlaku kecederaan anggota badan disebabkan kemalangan yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya semasa memandu atau menunggang, menaiki atau turun daripada kereta yang dinamakan dalam polisi.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM140.40** setahun (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima **perlindungan Pelan A*** berikut:

Anggaran premium: Jumlah Diinsuranskan RM30,000, seorang pemandu dan sehingga 4 penumpang di dalam kereta dinamakan

Polisi ini melindungi:

No.	Faedah-faedah	Jumlah Diinsuranskan (RM)			
		Pelan 88	Pelan A*	Pelan B	Pelan C
1	Kematian Akibat Kemalangan (setiap orang)	15,000	30,000	75,000	120,000
2	Hilang Upaya Kekal (setiap orang)	15,000	30,000	75,000	120,000
3	a) Perbelanjaan Perubatan (setiap orang)	1,500 setiap kemalangan	2,000 setiap kemalangan	3,000 setiap kemalangan	4,000 setiap kemalangan
	b) Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik (setiap orang)				
	c) Yuran Ambulan (setiap orang)				
4	Pendapatan Hospital (sehingga maksimum 60 hari setiap tahun setiap orang)	30 sehari	50 sehari	75 sehari	100 sehari
5	Elaun Pengebumian (setiap orang).	750	750	750	750
6	Perbelanjaan Ehsan Akibat Banjir (maksimum setiap kejadian/ agregat bagi setiap tempoh insurans)	1,500	1,500	1,500	1,500
7	Baki Kad Kredit Tertunggak (untuk Pihak Diinsuranskan sahaja, sehingga maksimum)	300	500	1,000	1,500
8	Indemniti Berganda Ketika Cuti Umum Seluruh Malaysia (setiap orang)	30,000	60,000	150,000	240,000
9	Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda Di Dalam Malaysia (setiap kejadian) - Termasuk Caj Tol Tanpa Had	Perjalanan ulang-alik sehingga 600km	Tiada had jarak	Tiada had jarak	Tiada had jarak
10	Perbelanjaan Gantian Kereta (sehingga RM150 sehari, maksimum setiap kejadian)	450	600	750	900
11	Elaun Ehsan Bagi Kerugian Penuh/Menyeluruh Kenderaan Akibat Perlanggaran Atau Kecurian Kenderaan.	6,000	8,000	12,000	18,000
12	Perbelanjaan Sewa Teksi dan Kereta	Tidak berkenaan	60 400	60 400	60 400
	i) Perbelanjaan Teksi (maksimum setiap kejadian)				
	ii) Perbelanjaan Sewa Kereta sehingga RM150 sehari (maksimum setiap kejadian)				
13	Perbelanjaan Penginapan Hotel bagi Kerosakan Kenderaan di Malaysia sehingga RM150 semalam (maksimum setiap kejadian dan bayaran balik terhadap kepada 3 kali setahun)	Tidak berkenaan	400	400	400
14	Perbelanjaan Penginapan Hotel bagi Kerosakan Kenderaan di Singapura sehingga RM150 semalam (maksimum setiap kejadian dan bayaran balik terhadap kepada 3 kali setahun)	Tidak berkenaan	300	300	300

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

No.	Faedah-faedah	Jumlah Diinsuranskan (RM)			
		Pelan 88	Pelan A*	Pelan B	Pelan C
15	Program Bantuan Rujukan Di Dalam Malaysia	Tidak berkenaan	Termasuk	Termasuk	Termasuk
16	Perlindungan Ehsan untuk Samun dan Pecah Tingkap i) Tingkap dan/atau Cermin Kereta Pecah ii) Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi dan/atau Kehilangan Wang Tunai	1,000 500	1,000 500	1,000 500	1,000 500
17	Perlindungan Pinjaman Kereta	5,000	5,000	5,000	5,000
18	Bantuan Antarabangsa	Termasuk	Termasuk	Termasuk	Termasuk
Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)					
Kenderaan Persendirian		Pelan 88	Pelan A*	Pelan B	Pelan C
Seorang pemandu dan sehingga 4 penumpang		83.02	130.00	230.00	330.00
Setiap penumpang tambahan		8.00	12.00	23.00	35.00

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi dan risalah untuk senarai penuh faedah dan perlindungan.

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik;
- Ketika kereta dinamakan digunakan untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang atau sebagai pengangkut tidak berlesen;
- Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuatkuasakan sekiranya Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti kepada/oleh kereta dinamakan dalam polisi semasa perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda;
- Semasa Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan terlibat dalam pergaduhan atau mogok, rusuhan, kekecohan awam atau tunjuk perasaan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans Perfect Rider Plus, Pelan A ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM130.00 (setiap tahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
Premium Kasar	RM130.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM10.40
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM140.40
Dimana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM13.00

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.
- Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.
- Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.
- Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.
- Had wilayah yang dilindungi adalah Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam kecuali dinyatakan dengan jelas di bawah faedah tersebut.
- Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Kelayakan – Pihak Diinsuranskan yang berumur 17 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa / penjaga sebelum membeli polisi insurans ini.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran jika minimum premium dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.